

## **ANALISA TRANSFORMASI UNDANG-UNDANG BERKAITAN PERLANTIKAN SETIAUSAHA SYARIKAT**

### ***LEGAL TRANSFORMATION ANALYSIS ON THE APPOINTMENT OF COMPANY SECRETARY***

**Nor Hayati Abdul Samat<sup>1</sup>**

**Noor ‘Aza Ahmad<sup>2</sup>**

**Nor Azlina Mohd Noor<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Pusat Pengajian Undang-undang, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia

Email: <sup>1</sup>as.yati@uum.edu.my, <sup>2</sup>nooraza@uum.edu.my, <sup>3</sup>norazlyna@uum.edu.my

***Accepted date: 16-12-2018***

***Published date: 31-12-2018***

***To cite this document:*** Abdul Samat, N., Ahmad, N.A. & Mohd Noor, N.A. (2018). Analisa Transformasi Undang-Undang Berkaitan Perlantikan Setiausaha Syarikat. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 284-290.

---

**Abstract:** Pada awal tahun 2017, dunia korporat di Malaysia telah diwarnai dengan transformasi undang-undang apabila Suruhanjaya Syarikat Malaysia memperkenalkan Akta Syarikat 2016. Di bawah akta baharu ini pelbagai pembaharuan diperkenalkan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih dinamik di Malaysia. Dengan kata lain, pelbagai aspek undang-undang syarikat di Malaysia bakal melalui transformasi perundangan dan salah satu daripadanya ialah setiausaha syarikat. Sehubungan dengan itu, artikel ini ditulis bagi mengenalpasti sebarang perubahan ke atas peraturan-peraturan berkaitan dengan perlantikan seorang setiausaha syarikat di Malaysia. Artikel ini mencapai rumusan bahawa terdapat sebahagian peraturan yang melalui proses transformasi. Pada masa yang sama terdapat beberapa peraturan lama yang masih dikekalkan.

**Keywords:** Akta Syarikat 2016, Setiausaha Syarikat, Perlantikan

**Abstract:** *In early 2017, the corporate world in Malaysia entered into a new era when the Companies Commission of Malaysia announced that the Companies Act 2016 will replace the Companies Act 1965. Under the new statute various reforms have been introduced to create a more dynamic business environment in Malaysia. In other words, various aspects of the company law in Malaysia will go through legal transformation and one of them is the company secretary. In this regard, this article was written to identify any changes to the regulations relating to the appointment of a company secretary in Malaysia. This article concludes that there are some rules that go through the transformation process. At the same time there are some old rules that are still being maintained.*

## **Pendahuluan**

Pada awal tahun 2017, dunia korporat di Malaysia telah diwarnai dengan transformasi undang-undang apabila Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan Akta Syarikat 2016 (Akta 777). Akta 777 ini secara rasmi memansuhkan perundangan syarikat terdahulu. Ia telah berkuatkuasa secara berperingkat bermula pada 31 Januari 2017. Berteraskan 19 polisi, Akta 777 diperkenalkan bagi mengikut perkembangan ekonomi negara dan memenuhi keperluan komuniti peniaga (Berita RTM, 2017). Di bawah akta baharu ini pelbagai pembaharuan diperkenalkan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih dinamik di Malaysia. Menurut Pengerusi SSM, YBhg Dato' Sri Jamil Salleh (Sinar Online, 2017), akta ini, memberikan suntikan baharu ke arah pemudahcaraan menjalankan perniagaan di Malaysia. Dengan kata lain, pelbagai aspek undang-undang syarikat di Malaysia bakal melalui transformasi perundangan dan salah satu daripadanya ialah setiausaha syarikat.

## **Keperluan Terhadap Setiausaha Syarikat dan Kelayakan**

Selain daripada pengarah-pengarah, setiausaha syarikat ialah seorang lagi figura penting di dalam pengurusan syarikat. Sepertimana yang terkandung di dalam statut sebelumnya, Akta Syarikat 2016 mengekalkan kedudukan setiausaha sama seperti pengarah syarikat. Seksyen 2 memperuntukkan bahawa setiausaha ialah seorang “pegawai” syarikat. Setiap syarikat yang diperbadankan di Malaysia perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha. Keperluan ini disebut di bawah seksyen 235 (1), berbanding dengan United Kingdom yang telah mengeneipkan polisi tradisi berkaitan dengan setiausaha syarikat. Seksyen 270 (1) Companies Act 2006 (UK), menggariskan bahawa di United Kingdom, syarikat-syarikat persendirian tidak diwajibkan untuk mempunyai setiausaha syarikat. Oleh itu, tugas setiausaha syarikat hendaklah dijalankan oleh pengarah syarikat. Keperluan untuk mempunyai setiausaha syarikat hanya dikenakan ke atas syarikat awam (Sealy, L. & Worthington, S., 2013). Walaupun syarat keperluan kepada setiausaha syarikat masih dikekalkan di Malaysia tetapi terdapat sedikit pembaharuan diperkenalkan oleh badan perundangan. Setiausaha syarikat tidak lagi diperlukan semasa proses pemerbadanan syarikat dengan pengenalan kepada “*super form*”. Ianya selaras dengan objektif pembaharuan undang-undang iaitu untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mudah bagi peniaga untuk membuka syarikat di Malaysia.

### ***Kelayakan Setiausaha***

Secara amnya, tiada perbezaan ketara yang diperkenalkan oleh Akta 777 berkaitan dengan kelayakan diri untuk menjadi seorang setiausaha syarikat. Walau bagaimanapun, penelitian ke atas peruntukan berkaitan sebelum dan selepas pindaan dibuat, menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek susunan perkataannya. Perbezaan ini dapat dilihat seperti berikut:

Sebelum Pindaan	Selepas Pindaan
<p>Seksyen 139 (1) Akta Syarikat 1965:</p> <p>“..... setiausaha ..... hendaklah seorang orang sebenar, cukup umur yang mempunyai tempat kediaman utama atau tempat kediaman hanya di Malaysia”</p>	<p>Seksyen 235 (1) Akta 777:</p> <p>“..... seorang setiausaha ..... hendaklah –</p> <p>(a) Seorang orang sebenar;</p> <p>(b) Berumur lapan belas tahun ke atas; dan</p> <p>(c) Seorang warganegara atau pemustautin tetap Malaysia,</p> <p>yang hendaklah lazimnya menetap di Malaysia dengan mempunyai tempat kediaman yang utama di Malaysia.</p>

**Jadual 1: Peruntukan Berkaitan Kelayakan Setiausaha Sebelum dan Selepas Pindaan**

Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta 777 masih mengekalkan peraturan bahawa seorang setiausaha syarikat mestilah dari kalangan orang sebenar. Dengan kata lain, hanya individu semulajadi sahaja yang layak untuk menjadi seorang setiausaha syarikat. Walaupun sebuah syarikat dianggap sebagai “manusia” dari kacamata undang-undang, tetapi ia bersifat “buatan”. Oleh itu, syarikat tidak boleh dilantik untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat. Begitu juga dengan firma perkongsian. Pada amalannya, banyak syarikat yang menggunakan perkhidmatan syarikat atau firma pengurusan untuk menjalankan fungsi setiausaha syarikat. Namun begitu, hakikatnya masih mematuhi syarat asas ini. Lantikan tidak dibuat atas nama syarikat atau firma pengurusan tersebut. Sebaliknya, lantikan dibuat ke atas nama individu berkelayakan yang dinamakan oleh syarikat atau firma pengurusan tersebut (Chan Wai Meng, 2017).

Dari aspek tempat kediaman dan status kewarganegaraan, penulis-penulis mendapati bahawa badan perundangan mengambil pendekatan campuran. Akta 777 mengekalkan keperluan kepada seseorang setiausaha untuk mempunyai tempat kediaman di Malaysia. Menurut kes *Fong Poh Yoke & Ors lwn. The Central Construction Company (Malaysia) Sdn. Bhd.* [1998] 4 CLJ Supp. 112, terma “kediaman” menunjukkan tahap kesinambungan tertentu dalam mendiami sesuatu tempat (Hakim Cave di dalam kes *Levene lwn. Commissioner of Inland Revenue* [1928] AC 217, 225). Di dalam kes ini, Plaintiff ke 5 mempunyai alamat kediaman dan menetap di Singapura. Oleh itu dia tidak mencapai tahap kesinambungan tersebut bagi memenuhi syarat “tempat kediaman” di Malaysia (di hlm. 135 – 136). Walau bagaimanapun, pada masa yang sama Akta 777 dengan jelas membenarkan pemustautin tetap untuk menjadi setiausaha. Ia merupakan satu peraturan yang baharu (Foo Poh Khean & Lee Shih, 2017).

Perbezaan susunan perkataan pada dua peruntukan di atas, terletak pada umur kelayakan dan status kewarganegaraan untuk menjadi setiausaha syarikat. Di bawah statut terdahulu, seorang setiausaha hendaklah yang cukup umur, tanpa menyebut secara spesifik tahap umur

tersebut. Oleh itu, di bawah amalan terdahulu, rujukan silang akan dibuat kepada Akta Umur Dewasa 1971 yang menetapkan 18 tahun sebagai umur dewasa. Akta 777 sebaliknya memperuntukkan secara jelas bahawa umur kelayakan untuk menjadi seorang setiausaha syarikat ialah 18 tahun. Logikinya, jika berlaku sebarang perubahan terhadap umur dewasa rakyat Malaysia, maka ia tidak akan menjejaskan umur kelayakan untuk menjadi setiausaha kecuali diputuskan sebaliknya oleh mahkamah. Selain itu, Akta 777 juga menetapkan bahawa setiausaha syarikat hendaklah seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia. Syarat ini tidak dinyatakan dengan khusus oleh undang-undang terdahulu.

Selain daripada kelayakan diri, seorang setiausaha perlu memenuhi kompetensi untuk beramal sebagai setiausaha syarikat. Pada dasarnya, syarat kompetensi untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat masih dikekalkan seperti syarat di bawah undang-undang terdahulu. Setiausaha syarikat mestilah sama ada seorang ahli badan professional yang diiktiraf atau seorang yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Namun begitu, terdapat sedikit perubahan pendekatan dari aspek membuat peruntukan. Di bawah statut terdahulu, senarai badan professional yang diiktiraf adalah disenaraikan melalui semakan pada Warta Kerajaan. Sebaliknya di bawah Akta 777, senarai badan professional tersebut diperuntukkan di dalam Akta 777 itu sendiri, melalui Jadual Keempat. Tujuh (7) badan professional masih dikekalkan iaitu Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA), Persatuan Undang-undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak.

Manakala, isu-isu berkaitan dengan lesen setiausaha syarikat ditangani dengan pendekatan yang berbeza. Dahulu perkara-perkara ini dimaktubkan di bawah akta induk undang-undang syarikat iaitu Akta Syarikat 1965, tetapi kini dipisahkan daripada Akta 777. Semua perkara berkaitan dengan pemberian lesen setiausaha syarikat diletakkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Ia selaras dengan proses penstrukturan semula undang-undang di mana semua perkara berkaitan dengan bidang kuasa SSM sebagai badan pengawal-selia diletakkan di bawah satu statut. Menurut seksyen 20G Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, SSM mempunyai kuasa untuk menganugerahkan lesen kepada mana-mana pemohon yang dianggap berkelayakan untuk beramal sebagai setiausaha syarikat. Dalam menentukan seseorang pemohon itu layak diberikan lesen, SSM akan mengambil kira beberapa kriteria. Tingkah-laku, kelayakan dan pengalaman pemohon, adalah antara aspek yang diambil kira. Selain itu, kepentingan awam dan fakta sama ada pemohon pernah disabitkan dengan kesalahan terdahulu, akan juga diambil kira.

Penulis-penulis juga mengenal pasti bahawa satu lagi polisi baharu yang diperkenalkan oleh Akta 777 ialah pengenalan kepada surat perakuan amalan. Sistem perakuan amalan bukanlah suatu sistem baharu di negara ini. Namun begitu, sebelum ini ia melibatkan profesion lain seperti profesion amalan undang-undang di bawah Majlis Peguam. Akta 777 telah membawa sistem ini ke dalam profesion kesetiausahaan syarikat. Menurut seksyen 241 (1) dan (2), mana-mana orang yang layak untuk bertindak sebagai setiausaha dan berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Syarikat, sebelum dia boleh bertindak sebagai setiausaha. Seksyen 241 (3) pula memberi kuasa kepada Pendaftar Syarikat untuk mengkehendaki orang itu mengemukakan bukti kelayakannya atau mengenakan apa-apa syarat yg difikirkan sesuai sebelum mendaftarkan orang itu ke dalam daftar. Jika kehendak tersebut telah dipenuhi, Pendaftar Syarikat akan mengeluarkan surat akuan amalan. Mana-mana orang yang tidak berdaftar sama ada pada atau selepas

bermulanya Akta 777, boleh meneruskan tugas selama 12 bulan. Selepas tamat tempoh tersebut, dia adalah disifatkan sebagai tidak berdaftar. Walau bagaimanapun sehingga tarikh artikel ini ditulis, peruntukan ini masih belum berkuatkuasa berdasarkan pemberitahuan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan P.U. (B) 50 (Jabatan Peguam Negara, 2017).

### ***Hilang Kelayakan Menjadi Setiausaha***

Dari aspek perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu hilang kelayakan untuk menjadi setiausaha, penulis-penulis mendapati bahawa tiada perubahan polisi baharu yang diperkenalkan. Seseorang itu akan hilang kelayakan untuk menjadi setiausaha syarikat atas beberapa sebab. Perkara-perkara tersebut dimaksudkan telah termaktub di bawah seksyen 238 (1) Akta 777:

- a. Orang bankrap yg belum dilepaskan;
- b. Disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan yang disebut dalam seksyen 198 iaitu kesalahan-kesalahan yang menghilangkan kelayakan seseorang untuk menjadi seorang pengarah. Antaranya ialah, kesalahan-kesalahan berkaitan dengan penganjuran, penubuhan dan pengurusan syarikat. Ia juga melibatkan kesalahan-kesalahan berkaitan sogokan, fraud atau kecurangan; atau
- c. Terhenti daripada memegang perakuan amalan di bawah seksyen 241 Akta 777.

Pengarah adalah melakukan satu kesalahan jika dia membiarkan setiausaha yang diketahuinya telah hilang kelayakan untuk terus bertindak sebagai setiausaha kecuali dengan keizinan Mahkamah.

### **Tatacara Perlantikan Setiausaha Syarikat**

Berdasarkan perbandingan yang dibuat terhadap Akta Syarikat 1965 dan Akta 777, penulis-penulis mendapati bahawa terdapat sedikit perubahan dibuat ke atas tatacara perlantikan setiausaha syarikat. Di bawah seksyen 236 (2) Akta 777 diperuntukkan bahawa setiausaha syarikat yang pertama bagi sesebuah syarikat hendaklah dilantik dalam masa 30 hari dari tarikh pemerbadanan syarikat. Ia adalah pendekatan yang berbeza jika dibandingkan dengan undang-undang terdahulu. Di bawah Akta Syarikat 1965, setiausaha pertama bagi sesebuah syarikat perlu dinamakan di dalam Memorandum dan Artikel syarikat. Transformasi ini sangat berkait rapat dengan perubahan yang dibuat terhadap prosedur pemerbadanan syarikat. Apabila "*super form*" diperkenalkan dan deraf Memorandum dan Artikel syarikat tidak lagi diperlukan sebagai dokumen pemerbadanan, maka ia sekaligus mengeneipkan keperluan kepada setiausaha syarikat semasa proses pemerbadanan.

Pada masa yang sama, badan perundangan masih mengekalkan sebahagian tatacara yang digunapakai terdahulu di bawah Akta 777. Tatacara yang dimaksudkan ialah tatacara yang melibatkan perlantikan setiausaha secara am. Berdasarkan peruntukkan di bawah seksyen 236 (1) Akta Syarikat 2016, lembaga pengarah masih merupakan pihak yang mempunyai kuasa untuk melantik setiausaha syarikat. Selain daripada itu, langkah-langkah yang perlu diambil sebelum membuat sesuatu lantikan juga, masih dikekalkan seperti yang terdahulu. Sebelum sesuatu perlantikan boleh dibuat, di bawah peruntukkan seksyen 236 (3), seseorang yang dilantik untuk menjadi setiausaha syarikat perlu terlebih dahulu memberikan persetujuan secara bertulis untuk dilantik sebagai setiausaha syarikat kepada lembaga pengarah.

### Analisa Perbincangan

Secara ringkasnya, analisa transformasi undang-undang berkaitan dengan perlantikan setiausaha syarikat dapat dilihat melalui Jadual di bawah:

Bil.	Butiran	Akta Syarikat 1965	Akta 777
1.	Sifat	Orang sebenar	Tiada perubahan
2.	Umur kelayakan	Cukup umur	18 tahun
3.	Kewarganegaraan	Tiada	Warganegara / pemustautin tetap
4.	Tempat tinggal	mempunyai tempat kediaman utama atau tempat kediaman hanya di Malaysia	lazimnya menetap di Malaysia dengan mempunyai tempat kediaman yang utama di Malaysia
5.	Kelayakan kompetensi	Ahli badan profesional / mempunyai lesen	Tiada perubahan
6.	Keperluan berdaftar dan surat perakuan amalan	Tiada	Setiausaha hendaklah berdaftar dengan Pendaftar dan Pendaftar boleh mengeluarkan surat perakuan amalan.
7.	Alasan hilang kelayakan	a. Bankrap yang belum dilepaskan.  b. Disabitkan dengan kesalahan sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk kesalahan-kesalahan tertentu.  c. Ia berhenti menjadi ahli badan profesional atau berhenti	Tiada perubahan

		memegang lesen yang sah.	
8.	Lantikan setiausaha pertama	Dinamakan di dalam Memorandum dan Artikel syarikat semasa pemerbadanan.	Hendaklah dilantik dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pemerbadanan.
9.	Tatacara am perantikan	Dilantik oleh lembaga pengarah	Tiada perubahan

**Jadual 2: Analisa Perbandingan Kerangka Perundangan Berkaitan Perantikan Setiausaha**

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, penulis-penulis merumuskan bahawa transformasi undang-undang berkaitan perantikan setiausaha syarikat, lebih berpaksikan usaha penambahbaikan kerangka perundangan sedia ada. Secara keseluruhannya Akta 777 masih mengekalkan beberapa prinsip asas di bawah Akta Syarikat 1965. Pada masa yang sama, Akta 777 membuat beberapa perubahan. Ia termasuklah penyusunan semula peruntukan berkanun, agar lebih teratur dan penyusunan semula susunan kata peruntukan agar lebih jelas. Selain itu, Akta 777 juga membawa peraturan baharu yang bersesuaian dengan kehendak prosedur terkini. Perubahan-perubahan ini bolehlah dianggap sebagai proses memperkasakan kredibiliti setiausaha sebagai salah seorang pegawai syarikat.

### **Penghargaan**

Penulis-penulis menzahirkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia kerana menyokong penyelidikan ini melalui Geran Penjanaan (Kod S/O: 13937).

### **Rujukan**

- Berita RTM. (31 Januari 2017). SSM: Akta Syarikat 2016 Ganti Akta 1965 Berkuatkuasa Hari Ini (31 Januari 2017). [Fail Video]. <<https://www.youtube.com/watch?v=Z6yvi9P1oXY>>
- Chan Wai Meng. (2017). *Essential Company Law in Malaysia Navigating the Companies Act 2016*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.
- Foo Poh Khean & Lee Shih. (2017). *Companies Act 2016 The New Dynamics of Company Law in Malaysia*. Ampang: CLJ Publications.
- Jabatan Peguam Negara. (26 Januari 2017). Akta Syarikat 2016 Penetapan Tarikh Permulaan Kuatkuasa<[http://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal\\_Framework/pub\\_20170126\\_p.u.\\_b\\_50.pdf](http://www.ssm.com.my/bm/Pages/Legal_Framework/pub_20170126_p.u._b_50.pdf)>
- Sealy, L. & Worthington, S. (2013). *Sealy & Worthington's Cases and Materials in Company Law* (Edisi 10). London: Oxford University Press.
- Sinar Online. (29 Januari 2017). Akta Syarikat Januari Ini. <<http://www.sinarharian.com.my/bisnes/akta-syarikat-31-januari-ini-1.619452>>